



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

SEMPENA

MAJLIS KONVOKESYEN 14 ORANG PEGAWAI DOSM DI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)

Seramai 14 Orang Pelajar Separuh Masa DOSM Bergraduasi Serentak Pada Majlis Konvokesyen UUM Ke-36

ISNIN, 20 November 2023 - Seramai 14 orang pegawai Jabatan Perangkaan Malaysia telah dianugerahkan Ijazah Sarjana Ekonomi (MEc.) pada Majlis Konvokesyen Kali Ke-36 Universiti Utara Malaysia (UUM). Pegawai-pegawai ini merupakan pelajar MEc. di bawah program pengajian kerjasama Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan UUM melalui inisiatif Persatuan Perangkawan Jabatan Perangkaan Malaysia (PPJPM). Seorang pegawai turut telah ditauliahkan Ijazah Sarjana Ekonomi pada Majlis Konvokesyen Kali ke-35 UUM yang lalu dan seramai 6 orang bakal sarjana akan dianugerahkan pada sesi konvokesyen akan datang.

Kerjasama program pengajian peringkat sarjana dengan Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan (SEFB), UUM yang julung kali dilaksanakan ini bertujuan mendaya upaya bakat sebagai teras utama untuk memperkasa warga DOSM agar berpengetahuan tinggi, kompeten, kreatif, inovatif, berintegriti dan berkemahiran dalam pelbagai bidang teras terutamanya bidang ekonomi. Inisiatif program pengajian ini yang

disertai seramai 25 orang pegawai daripada pelbagai gred jawatan telah dijalankan secara separuh masa dengan mod pembelajaran campuran yang melibatkan kerja kursus dan disertasi.

Cabaran besar semasa tempoh pengajian yang terjejas kesan daripada penularan wabak COVID-19 yang membawa kepada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan pelbagai peringkat sehingga sesi pengajian terpaksa ditangguhkan dan kembali beroperasi secara atas talian dan bersemuka pada awal 2021 tidak mematahkan semangat pelajar untuk menamatkan pengajian. Semangat dan komitmen semua pegawai ini dalam mengimbangi tanggungjawab tugas rasmi sebagai penjawat awam yang berkhidmat di DOSM dan juga sebagai pegawai kader DOSM di pelbagai Kementerian dan Agensi Kerajaan diharap akan diteruskan dengan memanfaatkan ilmu yang dipelajari kepada kompetensi diri dan organisasi. Kejayaan ini merupakan satu tanda aras pencapaian yang signifikan bagi kerjasama strategik DOSM dan UUM dalam bidang pendidikan pasca siswazah bagi membina kapasiti modal insan DOSM.

Mengambil semangat dan kejayaan program pengajian Sarjana Ekonomi (MEc UUM-DOSM) edisi pertama ini, kajian dan pertimbangan lanjut akan dilaksanakan untuk meneruskan program pengajian sarjana ekonomi dengan mengambil kira pengalaman pembelajaran program yang telah berlangsung. Terdapat peluang dan ruang untuk memperluaskan program bidang pengajian ijazah sarjana kepada Pusat Pengajian yang menawarkan bidang strategik yang baharu seperti data analitik dan sains kuantitatif. Program sebegini juga diharap dapat meneruskan pelaksanaan kerjasama strategik antara DOSM dan UUM atas platform Pengukuhan Sistem Statistik Negara, Pelan Strategik UUM dan DOSM, Pelan Strategik ILSM dan juga pemerkasaan kapasiti modal insan DOSM.

Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pegawai DOSM yang bergelar Graduan Sarjana Ekonomi pada Majlis Konvokesyen UUM ke-36. Beliau turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Naib Canselor

UUM, YBhg. Profesor. Dr. Mohd Foad Sakdan; Dekan SEFB, YBhg. Prof. Madya Dr. Bakti Hasan Basri; seluruh ahli akademik dan barisan pengurusan SEFB UUM.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

20 NOVEMBER 2023